

# Persisi hantar lapan wakil ke festival silat di Medan

*Pencak / silat*  
SERAMAI lapan orang pesilat akan berlepas ke Medan, Indonesia untuk mewakili Persekutuan Silat Singapura (Persisi) dalam Festival Seni Pencak Silat yang Ke-5.

Festival tersebut akan berlangsung dari 19 hingga 24 Disember. Penyertaan Singapura adalah atas undangan Ikatan Pencak Silat Indonesia (IPSI), cawangan Padang.

Ini adalah pertama kali Persisi menghantar wakilnya ke festival itu.

Empat peserta wanita dan empat peserta lelaki itu adalah dari perguruan Alhak, Perwanit, Gestapes Panca Sakti, Cekak dan Sendeng Belalang.

11 DEC 1985  
Dua orang pegawai, Encik Tumiran Tangat selaku pengurus dan Haji Ismaon Haji Ali sebagai Ketua Lembaga, akan mengiringi mereka.

Menurut Setiausaha Agung Persisi, Encik Johari Uriff, peserta dari Singapura itu akan membuat persembahan seni yang akan menampilkan silat Singapura. Ia tidak condong kepada mana-mana pihak.

Ketika berada di sana, kesemua wakil Singapura itu akan menginap di rumah-rumah pencinta seni di kampung pesta tersebut, Paya Kumbuh, agar suasana persilatan benar-benar dapat dirasakan.

## KEJOHANAN SILAT OLAHRAGA

# Tumpuan kepada

# 145 jaguh

*Pencak silat*  
SERAMAI 145 jaguh silat seluruh negara akan mengambil bahagian dalam Kejohanan Silat Olahraga Kebangsaan kedua di Tapian Gelanggang, Johor Bahru pada 26 hingga 28 Disember ini.

Kejohanan itu dianjurkan oleh Persekutuan Silat Malaysia (Pesaka) dan dikelola oleh Majlis Silat Negeri Johor sebagai tuan rumah serta Jabatan Kebudayaan, Belia dan Sukan Negeri.

Pemangku presiden Pesaka yang juga pengurus Jawatankuasa Kebudayaan, Belia dan Sukan Negeri Johor, Datuk Haji Abdul Rahman Mahmud, berkata kejohanan itu akan dibahagikan kepada sembilan kelas mengikut peringkat umur serta berat badan.

Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ajib Ah-

### Oleh SHAHARUDDIN LATIFF

mad, akan merasmikan kejohanan itu jam 9 pagi. Sementara peserta akan mula tiba dan mendaftar pada 25 Disember.

22 DEC 1985  
Datuk Haji Abdul Rahman gembira kerana ini kali pertama Johor diberi penghormatan menjadi tuan rumah kejohanan yang penuh cabaran itu dan berharap penduduk Johor datang beramai-ramai menyaksikan jaguh-jaguh silat dari seluruh negara bertarung.

B. Minggu M  
"Peserta terbaik daripada kejohanan ini akan dihantar ke Jerman Barat tahun depan bagi mewakili negara di Kejohanan Silat Olahraga Antarabangsa," katanya.

Belliau bangga kerana silat olahraga kini diterima oleh masyarakat antarabangsa termasuk

Eropah. Ini membuktikan seni silat bukan lagi satu kebudayaan orang Melayu tetapi menjadi acara sukan yang mempunyai ramai peminat di peringkat antarabangsa.

Menurut beliau, di Kejohanan Silat Olahraga di Jakarta pada Disember tahun lalu, tujuh negara barat termasuk Amerika Syarikat, Jerman Barat, Belgium dan Belanda mengambil bahagian di samping negara-negara Asia Tenggara.

Tambahnya, bagi memastikan Johor mencapai kejayaan besar tahun ini, sembilan jaguh silat, sebahagian daripadanya pernah menjuarai acara itu tahun lalu, akan mengambil bahagian.

"Dengan sembilan jaguh yang akan bertarung dalam sembilan kelas silat ini, diharapkan Johor dapat memberi tentangan hebat kepada pencabar-pencabar lain," kata beliau.